



BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN

Sports, Co-curricular and Arts Division

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Ministry of Education

Aras 1, 2 & 7, Blok E13, Kompleks E

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62604 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Telefon : +603 8884 1001 / +603 8884 1002

Laman Web : www.moe.gov.my

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: KPM.600-12/1/6 Jld.13 (69)

Tarikh : 9 Jun 2026

Pengarah Pemasaran
Marketing and Enrolment Office
IMU Main Campus
126, Jalan Jalil Perkasa 19
57000 Kuala Lumpur

Puan,

**MAKLUM BALAS PERMOHONAN PENGANJURAN DAN PELIBATAN MURID
DALAM PROGRAM *IMU SCIENCE DISCOVERY CHALLENGE 2026* ANJURAN
IMU UNIVERSITY**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas dan berkaitan juga dengan surat/e-mel pihak puan yang diterima pada 4 Jun 2026.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan (KPM) melalui Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK) telah menerima dan meneliti permohonan penganjuran program tersebut. Pihak KPM mengalu-alukan inisiatif agensi kerajaan dan bukan kerajaan dalam membantu KPM membangunkan serta memperkasa aktiviti sukan, kokurikulum dan kesenian di negara ini.

3. Pihak KPM mengambil maklum dan **tiada halangan** terhadap penganjuran dan pelibatan murid dalam program ***IMU Science Discovery Challenge 2026*** yang dijadualkan pada tahun **15 Jun hingga 29 Ogos 2026**. Sehubungan dengan itu, pihak penganjur **WAJIB** mematuhi perkara-perkara berikut:

- 3.1. pihak penganjur hendaklah mengemukakan permohonan kepada jabatan pendidikan negeri yang berkenaan setelah mendapat maklum balas KPM dalam tempoh 30 hari sebelum tarikh pelaksanaan program;
- 3.2. mematuhi semua pekeliling dan peraturan yang sedang berkuat kuasa seperti di Lampiran A;

- 3.3. surat maklum balas tidak boleh diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan dan tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
- 3.4. penyertaan murid dan guru hendaklah tidak mengganggu atau menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran;
- 3.5. penganjur bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan murid yang terlibat dalam program ini, termasuklah menyediakan perlindungan insurans yang bersesuaian dengan aktiviti yang dijalankan;
- 3.6. murid, warga sekolah mahupun pihak sekolah sendiri tidak boleh dipaksa atau diwajibkan terlibat dengan program yang dirancang/dilaksanakan;
- 3.7. penyertaan murid hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada ibu bapa atau penjaga;
- 3.8. guru/guru pengiring hendaklah dilantik oleh pihak sekolah mengiringi murid ke program atau aktiviti berkenaan;
- 3.9. tiada implikasi kewangan kepada KPM, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), sekolah, guru dan murid yang terlibat;
- 3.10. pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk kos pengangkutan, makan dan minum; melainkan mendapat pertimbangan khas daripada Ketua Pendaftar;
- 3.11. program, aktiviti dan mesyuarat yang melibatkan guru hanya dibenarkan dilaksanakan pada hari Sabtu minggu kedua dan minggu keempat sahaja. Tiada sebarang program, aktiviti atau mesyuarat dibenarkan pada hari Sabtu minggu pertama, minggu ketiga dan minggu kelima;
- 3.12. sekiranya program/aktiviti yang menuntut pengiktirafan, pihak penganjur perlu mengemukakan **satu salinan laporan program yang dijalankan** (format seperti di Lampiran C) kepada BSKK **tidak lebih dari 30 hari selepas tamat program**. Walau bagaimanapun, pengiktirafan program akan diberikan tertakluk kepada tarikh tutup perekodan Modul Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) dalam Sistem Pengurusan Pentaksiran Bersepadu, iaitu pada atau sebelum 30 November 2026;

- 3.13. pihak penganjur perlu mengemukakan draf poster, gegantung, hebahan digital atau sijil untuk semakan BSKK sebelum diedarkan;
- 3.14. penggunaan logo KPM tanpa kelulusan adalah tidak dibenarkan. Permohonan penggunaan logo KPM perlu dikemukakan kepada Unit Komunikasi Korporat, KPM beserta dokumen lengkap, selaras Garis Panduan Penggunaan Logo Rasmi KPM yang boleh dirujuk melalui pautan <https://www.moe.gov.my/muat-turun/multimedia/logo>;
- 3.15. pihak penganjur perlu menyediakan kemudahan penyejukan (*cooling facilities*) dan memastikan murid minum air yang mencukupi sebelum, semasa dan selepas aktiviti;
- 3.16. pihak penganjur perlu memantau aktiviti yang boleh mendedahkan murid kepada keadaan cuaca panas dan menangguhkan semua aktiviti luar yang sedang berlangsung sekiranya berlaku peningkatan suhu melebihi 35°C;
- 3.17. pelibatan murid dalam aktiviti sukan, kokurikulum dan kesenian hendaklah mematuhi Kod Sukan Selamat daripada Kementerian Belia dan Sukan;
- 3.18. bagi lawatan daripada pihak luar negara, pihak pelawat/penganjur hendaklah mengemukakan surat kelulusan daripada pihak berautoriti daripada negara tersebut;
- 3.19. pihak penganjur perlu mengemukakan **Surat Akuan Pemuatan Syarat Penganjuran Program** (seperti di Lampiran B) kepada BSKK **dalam tempoh 14 hari** bagi mengesahkan persetujuan untuk mematuhi semua syarat dan peraturan penganjuran yang telah ditetapkan oleh KPM; dan
- 3.20. KPM berhak menarik balik surat kelulusan/kebenaran penganjuran program sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuat kuasa. Sebarang ketidakakuran akan memberi kesan kepada permohonan agensi pada masa hadapan.

4. Maklum balas ini hanya sah untuk penganjuran dalam program **IMU Science Discovery Challenge 2026** yang dijadualkan pada tahun **15 Jun hingga 29 Ogos 2026** oleh **IMU University**. Sebarang permohonan kebenaran penganjuran lanjutan atau program baharu hendaklah dikemukakan secara berasingan kepada Pengarah BSKK.

5. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh diajukan kepada **Unit Kelab dan Persatuan** melalui talian **03-88841017** atau e-mel **azurawati.wzaki@moe.gov.my**.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(ITHNIN BIN MAHADI)

Pengarah

Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian
Kementerian Pendidikan

s.k.: 1. Semua Pengarah Bahagian
Sektor Operasi Sekolah

2. Semua Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri

AWZ/SuratPenganjuranProgramAgensi/2026MyDoc